

TARIKH: 18/7/23  
SURAT KHABAR: Sinar Harian  
MUKA SURAT: 21

# SEGiM akan ditubuh secepat mungkin

Bagi tambah baik perlindungan sosial, kebajikan penggiat industri itu

KUALA LUMPUR

**K**erajaan memberi jaminan untuk menubuhkan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGiM) dengan secepat mungkin bagi menambah baik perlindungan sosial serta kebajikan penggiat industri berkenaan, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Dalam merealisasikan perkara itu, Ahmad Zahid telah meminta Kementerian Sumber Manusia (KSM) mengemukakan satu memorandum kepada kabinet bagi mendapatkan persetujuan serta kelulusan untuk penubuhan suruhanjaya tersebut.

"Penggiat industri ini atau pekerja tidak formal di Malaysia tidak mendapat sebarang perlindungan melainkan jika mereka mencarum dengan Perkeso (Pertubuhan Keselamatan Sosial)...malah selama beberapa tahun kegiatan penggiat ekonomi gig ini berjalan di negara ini, namun ketidakpedulian telah dialami oleh mereka.

"Syarikat penyedia perkhidmatan tidak menganggap mereka sebagai pekerja dan syarikat juga tidak menganggap sebagai majikan kepada penggiat industri



Ahmad Zahid beramah mesra bersama penggiat industri yang hadir pada program Forum Kerangka Kerjaya Industri Gig di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur pada Isnin.

ini. Kelompangan sebegini yang memerlukan keprihatinan kerajaan," katanya ketika sidang akhbar selepas menghadiri Forum Nasional Kerangka Kerjaya Industri Gig di sini pada Isnin.

Ahmad Zahid turut menasaskan tarikh penubuhan SEGiM dapat diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada pembentangan Belanjawan 2024 yang dijadualkan Oktober ini.

"Saya yakin Perdana Menteri dan kabinet akan meluluskannya selepas KSM membawa memorandum mengenai penubuhan suruhanjaya ini," katanya yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah itu.

Dalam ucapannya, Ahmad Zahid berkata, SEGiM merupakan satu badan yang berfungsi untuk mengatasi setiap isu berkaitan dan melahirkan inisiatif yang

mampu menjaga kebajikan pengguna, peniaga, vendor, penghantar, pemandu dan penyedia platform, dalam industri gig.

"Antara peranan SEGiM adalah untuk membantu menyelaraskan dan mengatur industri gig dengan regulasi yang jelas agar dapat memastikan pematuhan peraturan, melindungi hak penggiat dan mempromosikan persekitaran yang adil dalam industri gig.

"Membantu melindungi pekerja gig dengan menyediakan perlindungan sosial, keselamatan kerja dan hak-hak penggiat gig dan memainkan peranan penting, dalam memajukan kemahiran penggiat gig dengan menyediakan program latihan dan pendidikan khusus yang akan membantu meningkatkan daya saing penggiat gig," katanya. - Bernama

Sinar Harian  
18/7/23  
ms 21